

Pantun setia Najib memukau perwakilan UMNO

um - 18/11/2006

KUALA LUMPUR 17 Nov. – Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak semua ahli UMNO memberikan sokongan padu kepada Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui mesej kesetiaan yang terkandung dalam rangkap seloka yang disampaikannya pada sesi penggulungan Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Timbalan Presiden UMNO itu juga menyeru ahli-ahli parti supaya tidak melupakan jasa pemimpin terdahulu.

Seloka empat kerat Najib berbunyi:

*Setiap pemimpin ada zamannya,
Mereka berjasa kepada rakyat;
Pelbagai dasar telah dicuba,
Menjadi negara kita hebat.*

*Bertahun-tahun negara dibina,
Segala bakti kita kenang;
Tidak lupa pesanan lama,
Pucuk pimpinan mesti dijulang.*

*Kini tiba zaman Pak Lah,
Tiga tahun menabur jasa;
Negara ini semakin berubah,
Memulia agama, membela bangsa.*

*Pak Lah kita beri sokongan,
Ahli parti mestilah setia;
Segala barisan kita kukuhkan,
Demi agama, bangsa, negara.*

Sebelum itu, pada mukadimah ucapannya, Najib turut membacakan pantun empat kerat sebagai tanda terima kasih kepada Abdullah atas keyakinan kepadanya sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri.

*Panca warisan keris sakti,
Sang Saka Bangsa di tiang seri;
Alangkah terharu rasa di hati,
Atas kepercayaan yang Pak Lah berikan.*

*Dewan Merdeka sudah ternama,
Bertemu, bersidang, ucapan dikaji;
Setia sebagai pembantu utama,
Kepada Presiden diikrar janji.*

Pada akhir ucapannya, Najib mengajak orang Melayu supaya terus mempertahankan kedaulatan negara dengan melakukan lonjakan ke arah minda kelas pertama.

*Negeri maju di bawah bayu,
Penuh usaha ia dibina;
Mari memacu Minda Melayu,
Kata dikota, janji dilaksana.*